



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**POTONGAN PERBELANJAAN FAEDAH
DAN
PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN FAEDAH
BAGI TRANSAKSI ANTARA ORANG
BERKAITAN**

KETETAPAN UMUM NO. 9/2015

TARIKH PENERBITAN: 3 DISEMBER 2015



**POTONGAN PERBELANJAAN FAEDAH
DAN PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN
FAEDAH BAGI TRANSAKSI ANTARA
ORANG BERKAITAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 9/2015
Tarikh Penerbitan: 3 Disember 2015**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**POTONGAN PERBELANJAAN FAEDAH
DAN PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN
FAEDAH BAGI TRANSAKSI ANTARA
ORANG BERKAITAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 9/2015
Tarikh Penerbitan: 3 Disember 2015**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Layanan Cukai ke atas Perbelanjaan Faedah	2
5. Pengiktirafan Pendapatan Faedah	12
6. Ringkasan	21

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan berkenaan dengan transaksi pinjaman antara orang berkaitan:

- (a) bila perbelanjaan faedah boleh dibenarkan sebagai potongan cukai dalam mengira pendapatan larasan seseorang daripada suatu punca bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran; dan
- (b) pengiktirafan pendapatan faedah.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 27, subseksyen 29(3), 33(2) dan 33(4), perenggan 4(c) dan 33(1)(a).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Faedah” adalah pulangan atau pampasan untuk kegunaan atau penahanan oleh seseorang sejumlah wang yang dimiliki oleh atau terhutang kepada orang.
- 3.2 “Saudara” bermaksud ibu bapa, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat di bawah mana-mana undang-undang), abang atau adik lelaki, kakak atau adik perempuan, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan, sepupu, nenek moyang atau cucu cicit.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Orang berkaitan” dalam subseksyen 29(3) ACP bermaksud –
 - (i) antara orang yang salah seorang daripada mereka mempunyai kawalan ke atas orang lain;
 - (ii) antara individu yang adalah saudara antara satu sama lain*; atau
 - (iii) antara orang yang kedua-duanya dikawal oleh orang lain.

***Nota:**

Perenggan 3.4(ii) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

- 3.5 “Syarikat” bermaksud suatu badan korporat dan termasuk kumpulan orang yang ditubuhkan di bawah satu pengenalan yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang wilayah di luar Malaysia dan suatu perniagaan amanah.
- 3.6 “Tahun taksiran” tertakluk kepada subseksyen 2(5) bermaksud tahun kalendar.
- 3.7 “Tempoh asas”, berhubung dengan seseorang, punca seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Layan Cukai ke atas Perbelanjaan Faedah

4.1 Perbelanjaan faedah yang dilakukan dan perlu dibayar

Untuk tujuan perenggan 33(1)(a) dan subseksyen 33(2) ACP, subseksyen 33(4) ACP memperuntukkan bahawa perbelanjaan faedah yang dilakukan dan perlu dibayar atas wang yang dipinjam bagi tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran hanya dibenarkan potongan dalam menentukan pendapatan larasan seseorang pada masa faedah tersebut kena dibayar. Wang yang dipinjam oleh orang itu mesti –

- (a) digunakan dalam tempoh itu dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan; atau
- (b) dilakukan atas aset yang digunakan atau dipegang dalam tempoh itu untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan.

Untuk tuntutan potongan bagi perbelanjaan faedah dan semakan ke atas taksiran tahun kebelakangan yang berkaitan, seorang pembayar cukai hendaklah memaklumkan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengendalikan fail pembayar cukai itu melalui surat dengan mengemukakan bersama pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan perbelanjaan faedah yang perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran. Setelah semakan dan pengesahan dilakukan, LHDNM akan meminda taksiran bagi setiap tahun taksiran untuk membenarkan tuntutan potongan perbelanjaan faedah yang berkaitan yang perlu dibayar.

Contoh 1

A Sdn Bhd (menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun) telah memberikan pinjaman kepada B Sdn Bhd bagi tujuan perniagaan dan butiran pinjaman dan faedah adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.1.2014	40,000	5% (tidak terkumpul)	3 tahun	31.12.2016

Faedah yang kena dibayar bagi setiap tahun taksiran adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2014	Tahun Taksiran 2015	Tahun Taksiran 2016
Faedah - RM2,000 Perlu dibayar bagi 1.1.2014 hingga 31.12.2014 tetapi hanya kena dibayar pada 31.12.2016	Faedah - RM2,000 Perlu dibayar bagi 1.1.2015 hingga 31.12.2015 tetapi hanya kena dibayar pada 31.12.2016	Faedah - RM2,000 Perlu dibayar bagi 1.1.2016 hingga 31.12.2016 tetapi hanya kena dibayar pada 31.12.2016
Pinjaman pada 1.1.2014		Jumlah faedah RM6,000 kena dibayar pada 31.12.2016 oleh peminjam

- (i) Berdasarkan perjanjian, pinjaman dikenakan faedah pada kadar 5% setiap tahun walaupun jumlah faedah kena dibayar oleh B Sdn Bhd adalah pada 31.12.2016. Oleh itu, perbelanjaan faedah sebanyak RM2,000 perlu dibayar untuk setiap tahun berakhir pada 31.12.2014, 31.12.2015 dan 31.12.2016.

- (ii) Menurut subseksyen 33(4) ACP, tuntutan perbelanjaan faedah perlu dibayar bagi sesuatu tahun taksiran tertentu di bawah perenggan 33(1)(a) dan subseksyen 33(2) ACP hanya boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar mulai tahun taksiran itu apabila faedah kena dibayar. Faedah sebanyak RM6,000 kena dibayar oleh B Sdn Bhd pada 31.12.2016. Faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Amaun Faedah yang Dibenarkan Potongan (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014 – 2016	2014 - 2016	2,000 setahun	Mulai 31.12.2016

- (iii) Memandangkan faedah perlu dibayar bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 tidak kena dibayar sehingga 31.12.2016, B Sdn Bhd hanya layak menuntut potongan bagi perbelanjaan faedah daripada pendapatan kasar bagi tahun taksiran 2014 dan tahun taksiran 2015 mulai 31.12.2016.

B Sdn Bhd perlu memaklumkan kepada LHDNM melalui surat mulai 31.12.2016 dengan menyertakan pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan perbelanjaan faedah yang dituntut bagi tahun taksiran 2014 dan 2015. Setelah semakan dan pengesahan dilakukan, LHDNM akan meminda taksiran bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 untuk membenarkan potongan faedah perlu dibayar sebanyak RM2,000 bagi setiap tahun taksiran berkenaan.

- (iv) Oleh kerana faedah perlu dibayar sebanyak RM2,000 bagi tahun taksiran 2016 kena dibayar pada 31.12.2016 sebelum tarikh terakhir pengemukaan borang (31.7.2017), tuntutan perbelanjaan faedah harus dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) B Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2016.

Contoh 2

C Sdn Bhd (menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun) telah mendapat pinjaman daripada syarikat induk untuk tujuan perniagaan seperti berikut:

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.6.2014	1 juta	6% (tidak terkumpul)	10 tahun	31.5.2024

Perbelanjaan faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran (tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2024) hanya boleh dituntut dan dibenarkan kepada C Sdn Bhd apabila faedah tersebut kena dibayar pada 31.5.2024. Faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Amaun Potongan Faedah (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014	2014	35,000	Mulai 31.5.2024
2015 - 2023	2015 - 2023	60,000 setiap tahun	Mulai 31.5.2024
2024	2024	25,000	Mulai 31.5.2024

C Sdn Bhd perlu memaklumkan kepada LHDNM mulai 31.5.2024 melalui surat dengan menyertakan pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan dengan perbelanjaan faedah yang dituntut bagi tahun taksiran 2014 hingga 2023. Setelah semakan dan pengesahan dijalankan, LHDNM akan meminda taksiran bagi tahun taksiran 2014 hingga 2023 untuk membenarkan faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran berkenaan.

Memandangkan C Sdn Bhd adalah dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi perbelanjaan faedah dari 31.5.2024 dan tarikh pengemukaan BNCP bagi tahun taksiran 2023 adalah pada 31.7.2024, perbelanjaan faedah sebanyak RM60,000 perlu dituntut oleh C Sdn Bhd dalam BNCP bagi tahun taksiran 2023.

Oleh kerana faedah perlu dibayar sebanyak RM25,000 bagi tahun taksiran 2024 kena dibayar pada 31.5.2024 sebelum tarikh terakhir pengemukaan borang (31.7.2025), tuntutan bagi potongan perbelanjaan faedah harus dibuat dalam BNCP C Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2024.

Contoh 3

D Sdn Bhd (tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun) adalah salah sebuah syarikat subsidiari E Sdn Bhd. Pada 1.1.2014, D Sdn Bhd telah mendapat pinjaman daripada syarikat induknya di mana butiran perjanjian pinjaman adalah seperti berikut –

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.1.2014	5 juta	6% (Tidak terkumpul)	15 tahun	31.12.2028

Berdasarkan kepada perjanjian pinjaman, faedah kena dibayar oleh D Sdn Bhd adalah pada 31.12.2028. Faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Amaun Potongan Faedah (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014	2014	300,000	Mulai 31.12.2028
2015 - 2027	2015 - 2027	300,000 setiap tahun	Mulai 31.12.2028
2028	2028	300,000	Mulai 31.12.2028

D Sdn Bhd hendaklah memaklumkan kepada LHDNM mulai 31.12.2028 melalui surat dengan menyertakan pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan perbelanjaan faedah yang dituntut bagi tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2027. Setelah semakan dan pengesahan dilakukan, LHDNM akan meminda taksiran bagi tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2027 untuk membenarkan tuntutan bagi perbelanjaan faedah perlu dibayar sebanyak RM300,000 bagi setiap tahun taksiran berkenaan.

Perbelanjaan faedah sebanyak RM300,000 bagi tahun taksiran 2028 harus dituntut dalam BNCP D Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2028.

4.2 Perjanjian pinjaman sebelum tahun taksiran 2014

Subseksyen 33(4) ACP adalah terpakai untuk perjanjian pinjaman yang ditandatangani sebelum dan selepas tahun taksiran 2014. Bagi perjanjian yang telah berkuat kuasa sebelum tahun taksiran 2014 tetapi tarikh faedah kena dibayar belum berlaku, maka mulai tahun taksiran 2014 perbelanjaan faedah hanya akan dibenarkan pada tarikh faedah kena dibayar. Faedah yang dilakukan dan telah dibenarkan sebagai potongan sebelum tahun taksiran 2014 adalah dikekalkan.

Contoh 4

E Sdn Bhd (menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun) telah mendapat pinjaman RM3 juta daripada syarikat induk pada 1.1.2010. Terma perjanjian adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.1.2010	3 juta	5% (Tidak Berkumpul)	10 tahun	31.12.2019

Perbelanjaan faedah sebanyak RM150,000 yang telah dituntut dan dibenarkan bagi setiap tahun taksiran 2010, 2011, 2012 dan tahun taksiran 2013 adalah dikekalkan.

Perbelanjaan faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran (tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2019) hanya boleh dituntut dan dibenarkan kepada E Sdn Bhd apabila faedah tersebut kena dibayar pada 31.12.2019.

Faedah yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2014 hingga 2019 hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Amaun Potongan Faedah (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014 - 2019	2014 - 2019	150,000 setahun	Mulai 31.12.2019

E Sdn Bhd hendaklah memaklumkan kepada LHDNM mulai 31.12.2019 melalui surat dengan menyertakan pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan perbelanjaan faedah yang dituntut bagi tahun taksiran 2014 hingga 2018 untuk semakan semula taksiran berkenaan.

Perbelanjaan faedah bagi tahun taksiran 2019 harus dituntut dalam BNCP E Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2019.

4.3 Tiada bayaran dibuat pada tarikh faedah kena dibayar

Sekiranya faedah tidak dibayar oleh peminjam pada tarikh faedah kena dibayar, perbelanjaan faedah masih boleh dituntut dan dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP kerana tanggungan untuk membayar faedah telah wujud pada tarikh kena dibayar.

Contoh 5

Fakta adalah seperti Contoh 4. E Sdn Bhd gagal membuat bayaran pada tarikh faedah kena dibayar pada 31.12.2019. Faedah hanya dibayar pada 1.1.2025.

Walaupun faedah tidak dibayar pada tarikh faedah kena dibayar, potongan bagi perbelanjaan faedah perlu dibayar di bawah perenggan 33(1)(a) ACP boleh dibenarkan kepada E Sdn Bhd kerana tanggungan untuk membayar faedah telah wujud pada 31.12.2019. Faedah perlu dibayar dibenarkan bagi tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2019 mulai 31.12.2019.

Tuntutan bagi perbelanjaan faedah adalah sama seperti diterangkan dalam Contoh 4.

4.4 Bayaran dibuat sebelum tarikh faedah kena dibayar

Sekiranya bayaran faedah dibuat sebelum tarikh faedah kena dibayar, maka bayaran faedah akan dibenarkan sebagai potongan dalam tahun taksiran faedah tersebut dibayar.

Contoh 6

Fakta sama seperti di Contoh 3 kecuali pinjaman adalah bagi tempoh 10 tahun dan faedah kena dibayar adalah pada 31.12.2023. D Sdn Bhd membuat bayaran faedah berjumlah RM800,000 pada 31.12.2018. Baki faedah dibayar pada tarikh faedah kena dibayar iaitu pada 31.12.2023.

Memandangkan D Sdn Bhd telah membayar RM800,000 yang merupakan sebahagian jumlah faedah pada 31.12.2018, faedah perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Jumlah Potongan Faedah (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014 - 2015	2014 - 2015	300,000 setahun	Mulai 31.12.2018
2016	2016	200,000	Mulai 31.12.2018
		100,000	Mulai 31.12.2023
2017 - 2023	2017 - 2023	300,000 setahun	Mulai 31.12.2023

D Sdn Bhd hendaklah memaklumkan kepada LHDNM mulai 31.12.2018 (bagi tahun taksiran 2014 hingga 2016) dan mulai 31.12.2023 (bagi tahun taksiran 2016 hingga 2022) melalui surat dengan menyertakan pindaan kepada pengiraan cukai berkaitan perbelanjaan faedah yang dituntut untuk semakan semula taksiran berkenaan.

Perbelanjaan faedah bagi tahun taksiran 2023 harus dituntut dalam BNCP tahun taksiran 2023.

4.5 Sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP

Sekiranya pinjaman yang diperolehi tidak digunakan sepenuhnya bagi tujuan perniagaan, perbelanjaan faedah masih boleh dibenarkan tetapi tertakluk kepada sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP. Untuk keterangan lanjut berhubung sekatan faedah sila rujuk kepada KU No. 2/2011 bertajuk "Perbelanjaan Faedah dan Sekatan Faedah". Perbelanjaan faedah boleh dibenarkan selepas mengambil kira sekatan faedah yang ditentukan berdasarkan formula yang dinyatakan dalam KU tersebut apabila faedah kena dibayar.

Contoh 7

F Sdn Bhd menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.1.2014 syarikat memperolehi pinjaman RM1 juta daripada syarikat induknya untuk digunakan dalam perniagaan. Syarikat telah membeli 6,000 unit saham Air Asia pada 1.3.2014 dan sebuah rumah kedai pada 15.5.2014.

Maklumat pinjaman adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.1.2014	1 juta	6% (tidak terkumpul)	10 tahun	31.12.2023

F Sdn Bhd menerima pendapatan daripada pelaburan dalam tahun 2015 seperti berikut:

Saham	Unit	Kos (RM)	Dividen Satu-Peringkat (RM)
Air Asia	6,000	30,000	5,000

Harta	Kos (RM)	Sewa Diterima	Perbelanjaan Hasil (RM)
Rumah Kedai	570,000	60,000	8,000

Memandangkan pinjaman digunakan untuk tujuan perniagaan dan bukan perniagaan, sekatan faedah terpakai berdasarkan formula berikut -

$$\begin{aligned}
 \text{Sekatan faedah} &= \frac{\text{RM600,000}}{\text{RM1,000,000}} \times \text{RM60,000} \\
 &= \text{RM36,000}
 \end{aligned}$$

(Amaun pinjaman yang digunakan untuk tujuan bukan perniagaan)

(Amaun pinjaman)

(Faedah perlu dibayar)

Perbelanjaan faedah berhubung punca perniagaan yang perlu dibayar bagi setiap tahun taksiran berjumlah RM24,000 setahun (selepas mengambil kira sekatan faedah) bagi tahun taksiran 2014 hingga 2023 hanya boleh dituntut dan dibenarkan kepada F Sdn Bhd apabila faedah tersebut kena dibayar pada 31.12.2023.

Amaun RM36,000 yang tidak dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan syarikat daripada punca perniagaan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan dividen dan sewa bagi tahun taksiran berkenaan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan faedah berhubung dengan perolehan dividen satu-peringkat tidak diambil kira di bawah perenggan 12B Jadual 6 ACP. Potongan perbelanjaan faedah daripada pendapatan sewa hanya boleh dituntut bagi tahun taksiran berkaitan apabila faedah kena dibayar pada 31.12.2023.

Faedah perbelanjaan berkaitan dengan punca bukan perniagaan dan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan pelaburan (pendapatan dividen dan sewa) bagi setiap tahun taksiran dari 2014 hingga 2023 adalah dibahagikan seperti berikut:

Formula	Dividen (RM)	Sewa (RM)
$\frac{\text{Kos pelaburan}}{\text{Jumlah pinjaman yang digunakan untuk pelaburan}} \times \text{Faedah}$	$\frac{30,000}{600,000} \times 36,000 = 1,800$ (Diabaikan di bawah perenggan 12B Jadual 6 ACP)	$\frac{570,000}{600,000} \times 36,000 = 34,200$

Faedah perlu dibayar berhubung dengan punca perniagaan bagi setiap tahun taksiran hendaklah dituntut seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tahun Taksiran Potongan Dibenarkan	Amaun Potongan Faedah (RM)	Bila Potongan Faedah Boleh Dituntut
2014 - 2023	2014 - 2023	24,000 setahun	Mulai 31.12.2023

5. Pengiktirafan Pendapatan Faedah

5.1 Tempoh asas di mana pendapatan kasar faedah dikaitkan

Seksyen 27 ACP memperuntukkan bahawa pendapatan daripada faedah, diskaun, sewa, royalti atau apa-apa pencen, anuiti atau bayaran berkala yang lain yang mana perenggan 4(e) ACP terpakai adalah sebahagian daripada pendapatan kasar seseorang apabila diterima dan akan dikenakan cukai atas asas penerimaan walaupun pendapatan tersebut mungkin dikaitkan dengan tempoh yang terdahulu.

5.2 Tempoh asas di mana pendapatan boleh didapatkan atas permintaan dikaitkan

Walaupun faedah yang boleh diterima bagi tempoh asas tertentu untuk suatu tahun taksiran hanya dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu pada masa ianya diterima seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 27 ACP, tetapi terdapat keadaan di mana pendapatan faedah dianggap diterima walaupun pendapatan faedah sebenarnya belum diterima. Seksyen 29 ACP, suatu peruntukan pengelakan cukai memperuntukkan seperti berikut:

(i) Transaksi pinjaman antara orang yang tidak berkaitan

Subseksyen 29(1) ACP memperuntukkan bahawa bagi transaksi pinjaman antara orang yang tidak berkaitan, pendapatan faedah akan hanya diiktiraf sebagai pendapatan pemberi pinjaman sekiranya faedah tersebut telah diterima atau boleh didapatkan atas permintaan oleh pemberi pinjaman. Faedah akan ditaksir mengikut tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana faedah tersebut boleh diterima seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 27 ACP.

(ii) Transaksi pinjaman antara orang berkaitan

Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014, subseksyen 29(3) ACP (kecuali perenggan 29(3)(aa) yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya) diperkenalkan untuk memperuntukkan bahawa pemberi pinjaman dianggap boleh menuntut atas permintaan penerimaan faedah daripada transaksi pinjaman antara orang berkaitan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana faedah tersebut kena dibayar oleh peminjam dalam tempoh tersebut. Ini bermakna faedah dianggap diterima oleh pemberi pinjaman pada tarikh

faedah kena dibayar oleh peminjam tanpa mengambil kira sama ada faedah tersebut diterima atau tidak.

Contoh 8

Fakta sama seperti di Contoh 1 dan B Sdn Bhd dikawal oleh A Sdn Bhd. Pengiktirafan pendapatan faedah oleh A Sdn Bhd diperuntukkan di bawah subsekyen 29(3) ACP seperti berikut -

Tarikh Pinjaman	Amaun Pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh Pinjaman	Tarikh Pinjaman dan Faedah Kena Dibayar
1.1.2014	40,000	5% (tidak terkumpul)	3 tahun	31.12.2016

Faedah boleh diterima bagi setiap tahun taksiran adalah seperti berikut –


Tahun Taksiran 2014	Tahun Taksiran 2015	Tahun Taksiran 2016
Faedah - RM2,000 Boleh diterima bagi 1.1.2014 hingga 31.12.2014 tetapi hanya akan diterima pada 31.12.2016	Faedah - RM2,000 Boleh diterima bagi 1.1.2015 hingga 31.12.2015 tetapi hanya akan diterima pada 31.12.2016	Faedah - RM2,000 Boleh diterima bagi 1.1.2016 hingga 31.12.2016 tetapi hanya akan diterima pada 31.12.2016
Pinjaman pada 1.1.2014		Jumlah faedah sebanyak RM6,000 dianggap boleh didapatkan atas permintaan pada tarikh faedah kena dibayar pada 31.12.2016 oleh peminjam

- (i) Menurut subseksyen 29(3) ACP, faedah sebanyak RM6,000 (RM2,000 x 3 tahun) dianggap boleh didapatkan atas permintaan oleh pemberi pinjaman pada tarikh faedah kena dibayar oleh peminjam iaitu pada 31.12.2016.

- (ii) Memandangkan faedah pinjaman dikenakan pada kadar 5% setahun dan tarikh faedah kena dibayar adalah pada 31.12.2016, ini bermakna faedah boleh diterima adalah RM2,000 setahun bagi tahun berakhir 31.12.2014, 31.12.2015 dan 31.12.2016. Jumlah pendapatan faedah sebanyak RM6,000 akan dikenakan cukai dalam tahun 2017 dan akan ditaksir bagi setiap tahun taksiran di mana faedah boleh diterima iaitu tahun taksiran 2014, 2015 dan 2016.
- (iii) A Sdn Bhd perlu memaklumkan pendapatan faedah berhubung tahun taksiran 2014 dan 2015 dalam BNCP bagi tahun taksiran 2016 di bawah bahagian untuk pendapatan tahun kebelakangan yang belum dilaporkan. Pengiraan cukai yang dipinda berkaitan pendapatan faedah bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 perlu dikemukakan kepada cawangan LHDNM untuk semakan semula taksiran.

5.3 Tempoh asas yang mana pendapatan kasar bagi faedah dikaitkan


Subseksyen 27(2) ACP memperuntukkan bahawa di mana pendapatan kasar seorang yang berkaitan terdiri daripada faedah, dan lain-lain boleh diterima adalah berkaitan dengan suatu tempoh iaitu dua atau lebih tempoh asas (dirujuk sebagai tempoh pertindihan dalam subseksyen ini), yang bertindih tempoh yang berkaitan, pendapatan kasar itu adalah dibahagikan di antara bahagian tempoh pertindihan yang bertindih tempoh yang berkaitan dan baki bahagian atau bahagian-bahagian tempoh pertindihan. Ini diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



Dalam keadaan di mana pendapatan faedah luput lebih daripada empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan faedah mula sampai ke pengetahuan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN), had masa untuk membuat suatu taksiran terpakai mengikut subseksyen 91(1) ACP. Proviso berikut kepada subseksyen 27(2) ACP menentukan tempoh asas suatu taksiran boleh dibuat:


- (i) Proviso (b) kepada subseksyen 27(2) ACP

Di mana **sebahagian** tempoh pertindihan berkaitan dengan pendapatan faedah boleh diterima luput lebih daripada empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan faedah mula sampai ke pengetahuan KPHDN, pendapatan faedah itu adalah dianggap terakru sama rata ke atas tempoh pertindihan yang belum luput. Ini diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



(ii) Proviso (c) kepada subseksyen 27(2) ACP

Di mana **keseluruhan** tempoh pertindihan berkaitan pendapatan kasar faedah boleh diterima luput lebih daripada empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan kasar mula sampai ke pengetahuan KPHDN, pendapatan kasar itu adalah dianggap sebagai pendapatan kasar untuk tempoh asas bagi tahun taksiran yang bermula empat tahun sebelum permulaan tahun taksiran termasuk hari bila penerimaan faedah mula sampai ke pengetahuan KPHDN. Ini diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



Contoh 9

Fakta sama seperti Contoh 4 dan Contoh 5. Walau bagaimanapun transaksi melibatkan orang berkaitan dan tidak berkaitan.

(a) Transaksi pinjaman antara orang berkaitan

Jika transaksi pinjaman adalah antara orang berkaitan, subseksyen 29(3) ACP adalah terpakai memandangkan syarikat induk dianggap menerima pendapatan faedah pada 31.12.2019, sama ada bayaran faedah ada dibuat oleh peminjam atau tidak. Syarikat induk hendaklah melaporkan pendapatan faedah di dalam BNCP 2019 yang perlu dikemukakan kepada LHDNM sebelum 31.7.2020.

Pendapatan kasar faedah boleh diterima berjumlah RM1,500,000 berkaitan dengan tempoh pertindihan (1.1.2010 – 31.12.2019) dianggap diterima oleh syarikat induk pada 31.12.2019.

Memandangkan sebahagian (1.1.2010 – 31.12.2015) daripada tempoh pertindihan (1.1.2010 – 31.12.2019) berkaitan dengan pendapatan faedah boleh diterima telah luput lebih daripada empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan faedah itu mula sampai ke pengetahuan KPHDN (31.7.2020), proviso (b) kepada subseksyen 27(2) ACP terpakai. Pendapatan faedah bagi tempoh luput (TT 2010 – 2015) berjumlah RM900,000 (RM150,000 setahun X 6 tahun taksiran) dianggap terakru sama rata ke atas tempoh yang belum luput (TT 2016 – 2019).

Pengiktirafan dan pengiraan bagi faedah boleh diterima adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman dan Faedah Dianggap Boleh Didapatkan atas Permintaan-Subseksyen 29(3)	Tarikh Pendapatan Faedah Mula Sampai ke Pengetahuan KPHDN	Pecahan Pendapatan Faedah Boleh Diterima bagi Setiap Tahun Taksiran (RM)	Pemakaian Proviso (b) Subseksyen 27(2) dan Tahun Taksiran di mana Pendapatan Dikenakan Cukai
31.12.2019	31.7.2020	2019= RM150,000	2019= RM375,000 (150,000 + 225,000)
		2018= RM150,000	2018= RM375,000 (150,000 + 225,000)
		2017= RM150,000	2017= RM375,000 (150,000 + 225,000)
		2016= RM150,000	2016 = RM375,000 (150,000 + 225,000)
		2015= RM150,000	} RM900,000 terakru sama rata ke atas tempoh pertindihan yang belum luput iaitu 1.1.2016 - 31.12.2019 (4 TT) <u>RM900,000</u> = 225,000/TT 4 TT
		2014= RM150,000	
		2013= RM150,000	
		2012= RM150,000	
		2011= RM150,000	
		2010= RM150,000	

(b) Transaksi pinjaman antara orang yang tidak berkaitan

Jika transaksi pinjaman adalah antara orang yang tidak berkaitan, subseksyen 27(1) ACP terpakai di mana pendapatan faedah hanya akan diiktiraf sebagai pendapatan kepada pemberi pinjaman apabila diterima iaitu pada 1.1.2025 dan bukannya pada 31.12.2019. Memandangkan pemberi pinjaman menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun, ia perlu melaporkan pendapatan faedah diterima dalam BNCP 2025 yang akan dikemukakan kepada LHDNM sebelum 31.7.2026.

Pendapatan kasar faedah boleh diterima berjumlah RM1,500,000 berkaitan tempoh pertindihan (1.1.2010 – 31.12.2019) hanya diterima oleh pemberi pinjaman pada 1.1.2025. Memandangkan **keseluruhan** tempoh pertindihan (1.1.2010 – 31.12.2019) telah luput lebih dari empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan kasar mula sampai ke pengetahuan KPHDN (31.7.2026), proviso (c) kepada subseksyen 27(2) ACP terpakai.

Pendapatan kasar berjumlah RM1,500,000 akan dianggap sebagai pendapatan kasar untuk tempoh asas bagi tahun taksiran yang bermula empat tahun (TT 2022) sebelum permulaan tahun taksiran termasuk hari penerimaan faedah mula sampai ke pengetahuan KPHDN (TT 2026).

Pengiraan pendapatan faedah yang diterima adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman dan Faedah Dianggap Boleh Didapatkan atas Permintaan – Subseksyen 29(3)	Tarikh Pendapatan Faedah Mula Sampai ke Pengetahuan KPHDN	Pecahan Pendapatan Faedah Boleh Diterima bagi Setiap Tahun Taksiran (RM)	Pemakaian Proviso (c) Subseksyen 27(2) dan Tahun Taksiran di mana Pendapatan Dikenakan Cukai
1.1.2025	31.7.2026	2019= RM150,000	} 2022= RM1,500,000
		2018= RM150,000	
		2017= RM150,000	
		2016= RM150,000	
		2015= RM150,000	
		2014= RM150,000	
		2013= RM150,000	
		2012= RM150,000	
		2011= RM150,000	
		2010= RM150,000	

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di Contoh 6. Syarikat induk E Sdn Bhd melaporkan pendapatan faedah dalam BNCP 2019 yang difailkan pada 31.7.2020 kepada LHDNM. Walau bagaimanapun, baki faedah RM2.2 juta tidak dibayar pada 31.12.2023. E Sdn Bhd melaporkan pendapatan faedah yang dianggap boleh didapatkan atas permintaan dalam BNCP 2023 pada 31.7.2024. Layanan cukai adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman dan Faedah Dianggap Boleh Didapatkan atas Permintaan – Subseksyen 29(3)	Tarikh Pendapatan Faedah Mula Sampai ke Pengetahuan KPHDN	Pecahan Pendapatan Faedah Boleh Diterima bagi Setiap Tahun Taksiran (RM)	Pemakaian Proviso (b) Subseksyen 27(2) dan Tahun Taksiran di mana Pendapatan Dikenakan Cukai
31.12.2018	31.7.2019	2014 = RM300,000	} 2015 = RM600,000 2016 = RM200,000
		2015 = RM300,000	
		2016 = RM200,000	
31.12.2023	31.7.2024	2016 = RM100,000	} RM1,000,000 terakru sama rata ke atas tempoh pertindihan yang belum luput (TT 2020 – 2023)
		2017 = RM300,000	
		2018 = RM300,000	
		2019 = RM300,000	
		2020 = RM300,000	2020 = RM550,000 (RM300,000 + 250,000)
		2021 = RM300,000	2021 = RM550,000 (RM300,000 + 250,000)
		2022 = RM300,000	2022 = RM550,000 (RM300,000 + 250,000)
		2023 = RM300,000	2023 = RM550,000 (RM300,000 + 250,000)

- (i) Pendapatan faedah RM800,000 yang diterima oleh E Sdn Bhd mula sampai ke pengetahuan KPHDN pada 31.7.2019. Pendapatan faedah bagi tempoh luput (tahun taksiran 2014) akan terakru sama rata bagi tahun taksiran 2015 dan 2016. E Sdn Bhd perlu mengemukakan pindaan

kepada pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2015 dan 2016 kepada cawangan LHDNM untuk semakan semula taksiran apabila BNCP bagi tahun taksiran 2018 difailkan pada 31.7.2019. Pendapatan faedah bagi tahun taksiran 2015 dan 2016 perlu dilaporkan dalam BNCP di bawah bahagian untuk pendapatan tahun kebelakangan yang belum dilaporkan.

- (ii) Baki pendapatan faedah RM2.2 juta walaupun tidak dibayar boleh didapatkan atas permintaan pada 31.12.2023 dan akan dikenakan cukai dalam tahun taskiran seperti yang ditunjukkan di atas. Pindaan kepada pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2020 hingga 2022 perlu dikemukakan kepada cawangan LHDNM untuk semakan semula taksiran apabila E Sdn Bhd mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2023 pada 31.7.2024.

6. Ringkasan

- 6.1 Layanan cukai bagi pengiktirafan pendapatan faedah (pemberi pinjaman) dan potongan perbelanjaan faedah (peminjam) ke atas transaksi pinjaman antara orang berkaitan boleh ditunjukkan melalui contoh berikut.

Contoh 11

J Sdn Bhd (menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun) telah memberikan pinjaman RM1 juta kepada syarikat subsidiari K Sdn Bhd dalam tahun taksiran 2013. Mengikut perjanjian pinjaman, K Sdn Bhd dikehendaki membayar balik pinjaman termasuk faedah kepada J Sdn Bhd pada 31.12.2022. J Sdn Bhd melaporkan pendapatan faedah dalam BNCP yang diterima oleh LHDNM pada 30.7.2023.

Layanan cukai adalah seperti berikut –

Subseksyen 33(4)	Subseksyen 29(3)
K Sdn Bhd (Peminjam)	J Sdn Bhd (Pemberi Pinjaman)
Tuntutan potongan perbelanjaan faedah hanya boleh dibuat mulai tahun 2022 iaitu pada tarikh faedah kena dibayar.	Pendapatan faedah dianggap diterima apabila dianggap boleh didapatkan atas permintaan pemberi pinjaman apabila faedah tersebut kena dibayar oleh peminjam pada 31.12.2022.
Perbelanjaan faedah perlu dibayar	

Subseksyen 33(4)	Subseksyen 29(3)
K Sdn Bhd (Peminjam)	J Sdn Bhd (Pemberi Pinjaman)
akan dibenarkan sebagai potongan untuk setiap tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2022.	<p>Pendapatan faedah dianggap terima pada 31.12.2022.</p> <p>Memandangkan sebahagian (1.1.2013 – 31.12.2018) daripada tempoh pertindihan (1.1.2013 – 31.12.2022) berkaitan dengan pendapatan faedah boleh diterima telah luput lebih daripada empat tahun sebelum hari penerimaan pendapatan faedah itu mula sampai ke pengetahuan KPHDN (31.7.2023), proviso (b) kepada subseksyen 27(2) ACP terpakai. Pendapatan faedah bagi tempoh luput dianggap terakru sama rata ke atas tempoh pertindihan yang belum luput (YA2019 - 2022).</p>

Nota:

Perbelanjaan hanya boleh dituntut oleh peminjam apabila faedah kena dibayar manakala pendapatan ditaksir ke atas pemberi pinjaman apabila ia boleh didapatkan atas permintaan. Ini bermakna tarikh faedah kena dibayar adalah –

- (i) tarikh perbelanjaan faedah terkumpul yang belum dibayar dibenarkan di bawah subseksyen 33(4) ACP;
- (ii) tarikh perbelanjaan faedah terkumpul yang belum dibayar dianggap boleh didapatkan atas permintaan; dan
- (iii) ditaksir dalam tahun taksiran yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah proviso (b) kepada subseksyen 27(2) dan subseksyen 29(3) ACP.

6.2 Pemakaian seksyen 27, subseksyen 29(3), perenggan 33(1)(a) dan subseksyen 33(4) ACP

Pemakaian peruntukan yang disebutkan di atas untuk tujuan pengiktirafan pendapatan dan potongan perbelanjaan faedah untuk transaksi pinjaman yang melibatkan orang berkaitan mulai tahun taksiran 2014 adalah seperti berikut:

Perbelanjaan Faedah		Pendapatan Faedah	
Perenggan 33(1)(a)	Subseksyen 33(4)	Seksyen 27	Subseksyen 29(3)
<p>Perbelanjaan faedah yang dilakukan dan amaun perlu dibayar atas pinjaman hanya dibenarkan potongan apabila tanggungan untuk membayar faedah telah wujud.</p> <p>Perbelanjaan faedah akan dibenarkan mengikut tahun taksiran di mana faedah tersebut perlu dibayar.</p>	<p>Perbelanjaan faedah di bawah perenggan 33(1)(a) dan subseksyen 33(2) hanya boleh dibenarkan sebagai potongan apabila faedah tersebut kena dibayar.</p>	<p>Pendapatan faedah merupakan pendapatan kasar seseorang apabila ianya diterima atau dianggap terima dan akan ditaksir mengikut tempoh berkaitan di mana faedah itu boleh diterima.</p> <p>Proviso (b) atau (c) kepada subseksyen 27(2) terpakai jika sama ada sebahagian atau keseluruhan tempoh pertindihan berkaitan pendapatan kasar faedah boleh diterima luput lebih daripada empat</p>	<p>Pendapatan faedah dianggap boleh didapati atas permintaan pemberi pinjaman apabila faedah kena dibayar oleh peminjam tidak kira faedah itu dibayar atau tidak, dengan syarat subseksyen ini tidak terpakai sekiranya pendapatan diterima sebelum ia kena dibayar.</p>



**POTONGAN PERBELANJAAN FAEDAH
DAN PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN
FAEDAH BAGI TRANSAKSI ANTARA
ORANG BERKAITAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 9/2015
Tarikh Penerbitan: 3 Disember 2015**

Perbelanjaan Faedah		Pendapatan Faedah	
Perenggan 33(1)(a)	Subseksyen 33(4)	Seksyen 27	Subseksyen 29(3)
		tahun sebelum hari pendapatan faedah itu mula sampai ke pengetahuan KPHDN.	

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**